



PRESS RELEASE

SAMBUTAN PESTA KAAMATAN KUMPULAN SURIA 2017

Kumpulan Suria tidak melepaskan peluang untuk menganjurkan majlis sambutan Pesta Kaamatan Kumpulan Suria 2017 yang dihadiri oleh anak-anak syarikatnya bertempat di Dewan Masyarakat Kota Kinabalu baru-baru ini. Dipengerusikan oleh En. Maxon Jonioh serta dibantu oleh Ahli Jawatankuasanya, majlis tersebut telah diisi dengan pelbagai acara menarik seperti pertandingan Ratu Kaamatan, Sugandoi, permainan tradisional, pakaian tercantik, pertandingan membuat Hinava dan pertandingan menangkap belut.

Debra Dolores Michael wakil daripada Suria Capital Holdings Berhad telah dinobatkan sebagai Ratu Kaamatan 2017 yang juga menyandang gelaran Miss Popular 2017. Sementara itu, Imelda Joseph yang mewakili SCHB Engineering Services Sdn. Bhd. (SCES) dan Azrinah Binti Tahir yang mewakili Sabah Ports Sdn. Bhd. (SPSB) masing-masing meraih gelaran naib juara dan pemenang tempat ketiga.

Turut hadir termasuk ahli Lembaga Pengarah, Pengarah Urusan Kumpulan, Ketua-Ketua Anak Syarikat Kumpulan Suria.

Issued by
Group Corporate Affairs and Communication
Suria Capital Holdings Berhad
12 June 2017

For media enquiries, contact:
Datin Mariam Mahmud
Tel: 088-257788
HPhone: 019-821 9888
Email:
mariam@suriapl.com.my



ACARA KEMUNCAK: Debra Dolores Michael wakil Suria Capital (duduk tengah) dinobatkan sebagai Ratu Kaamatan Kumpulan Suria 2017 dan Miss Popular diapit oleh pemenang kedua Imelda Joseph, wakil SCES (berdiri di kanan) dan Azrinah Tahir wakil Sabah Ports, disebelah kiri. Mereka bergambar kenangan bersama Ahli Lembaga Pengarah, Pengarah Urusan Kumpulan, Ketua-Ketua Anak Syarikat dan Pengerusi Penganjur.